

Dr. M: Pusat eksport kita akan ditubuh

KUALA LUMPUR. Jumaat — Pusat Eksport Malaysia akan ditubuhkan di sini sebelum akhir tahun ini bagi membantu pengeksport-pengeksport negara ini memperluaskan pasaran bahan keluaran masing-masing di seluruh dunia.

Demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Expo Malaysia 79 di Changkat Pavilion di sini hari ini.

Katanya, pusat tersebut akan menyediakan maklumat-maklumat pasaran semasa bagi membantu para pengeksport menganalisa pasaran dunia tentang barang keluarannya.

"Ia juga akan memberi perkhidmatan kepada pembeli-pembeli seberang laut untuk mengadakan hubungan dengan pembekal-pembekal bahan yang mereka minati.

Di samping itu, tambah beliau, pusat tersebut akan dilengkapkan dengan kemudahan termasuk ruang pameran, bilik mesyuarat dan bengkel.

Meningkat

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian gembira dengan peningkatan eksport barang-barang perkilangan tahun ini.

Katanya, berbanding dengan suku pertama tahun lalu, eksport barang perkilangan tahun ini meningkat 52 peratus manakala kredit bank untuk bahan eksport meningkat 33.5 peratus berbanding dengan suku sama tahun 1978.

Pada tahun 1978, eksport kasar barang perkilangan ialah \$3,614 juta iaitu 21.2 peratus dari keseluruhan eksport berbanding sebanyak

\$2,810 pada tahun 1977 iaitu 18.7 peratus.

Bellau menerangkan bahawa pindaan yang dibuat terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian (IGA) membuktikan Kerajaan berikap liberal dan pragmatik dalam melaksanakan Akta tersebut.

Katanya, ICA kini dianggap dapat diterima oleh pelabur-pelabur dalam dan luar negeri tanpa lari dari matlamat asalnya.

Di samping langkah-langkah Kerajaan tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) mempergiatkan usaha menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Katanya, FMM hendaklah mengambil dayasaha menyusun, bekerjasama dengan agensi Kerajaan, menggalakkan kegiatan pelaburan bagi menggalakkan penubuhan industri-industri baru dan mengembangkan industri yang sedia ada.

Bellau juga menyeru FMM mengadakan hubungan baik dengan organisasi sejawat sama ada dari segi modal mahupun teknologi menjemput atau menganjurkan lawatan mereka ke Malaysia.

"Ini bagi membolehkan mereka mengkaji peluang penanaman modal di negara ini dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan supaya keraguan dan kesangsian menanam modal di negara ini dapat dilatasi," ujarnya.

Hubungan

Bellau juga menyatakan bahawa tema Expo Malaysia tahun ini iaitu Fokus Kepada Kualiti merupakan tema yang cukup baik memandangkan pengguna-pengguna di negara ini begitu sophisticated.

"Ini disebabkan negara ini sudah begitu lama menerima bahan-bahan yang diimport dari luar negeri," katanya.

Bellau berkata

terserahlah kepada pekilang-pekilang bukan sahaja bertanding dalam segi harganya tetapi juga kualitinya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memuji sikap FMM kerana melancarkan pemberian hadiah-hadiah ke atas pencapaian eksport dan bagi barangan baru serta bertambah mutunya.

Sebelum itu, Presiden FMM, Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Burhanuddin menegaskan bahawa pihaknya akan terus mempastikan kualiti barang keluaran akan bertambah dari masa ke semasa.

Katanya, pihaknya juga yakin bahawa perkembangan pelaburan di negara ini akan terus meningkat berlandaskan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Bellau menerangkan bahawa pihak swasta akan terus mengambil peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan untuk terus berkembang.

No. Siri 2153
No. Penerimaan 329/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia